

PERNYATAAN BERSAMA

SOVIET-AMERIKA

Di atas undangan Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon, yang dibuat semasa lawatan resminya ke USSR bulan Mei 1972 dan selaras dengan satu persetujuan berikutnya, Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Soviet Union, Leonid I. Brezhnev, telah melakukan lawatan resmi ke Amerika Syarikat mulai 18 hingga 25 Jun. Leonid Brezhnev telah diiringi oleh A .A. Gromyko, Menteri Hal Ehwal Luar USSR dan ahli Politbiro Jawatankuasa Pusat CPSU; N. S. Patolichev, Menteri Perdagangan Luar; B. P. Bugayev, Menteri Penerbangan Awam; G. E. Tsukanov dan A. M. Alexandrov, Pembantu-pembantu kepada Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU; L. M. Zamyatin, Ketua Pengarah TASS; E. I. Chazov, Timbalan Menteri Kesihatan Awam USSR; G. M. Korniyenko, ahli kolegium Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri USSR; G. A. Arbatov, Pengarah Institute Akademi Sains A.S. USSR.

Setiausaha Agung Brezhnev dan Presiden Nixon telah mengadakan perbincangan-perbincangan yang membina dan bersungguh-sungguh mengenai kemajuan yang dicapai dalam pembangunan hubungan Soviet-Amerika dan mengenai beberapa masalah besar antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Turut menyertai perbincangan yang diadakan di Washington, Kern David dan San Clemente adalah :

Di pihak Soviet — A. A. Gromyko, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri USSR dan ahli Politbiro Jawatankuasa Pusat CPSU; A. F. Dobrynin, Duta Soviet ke A.S.; N. S. Patolichev,

Menteri Perdagangan Luar; B. P. Bugayev, Menteri Penerbangan Awam; A. M. Alexandrov dan G. E. Tsukanov, Pembantu-pembantu kepada Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU; G. M. Korniyenko, ahli kolegium Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri USSR.

Di pihak Amerika — William P. Rogers, Setiausaha Negara; George P. Shultz, Setiausaha Perbendaharaan, Dr. Henry A. Kissinger, Pembantu kepada Presiden mengenai Hal Ehwal Keselamatan Kebangsaan.

I. Keadaan Umum mengenai Hubungan Soviet-A.S.

Kedua pihak telah menyatakan puas hati terhadap sidang kemuncak Soviet-Amerika di Moscow dalam bulan Mei 1972 dan keputusan-keputusan bersama yang diambil di sana telah melahirkan kemajuan besar dalam mengukuhkan hubungan damai antara USSR dan AS dan telah mengujudkan asas untuk pembangunan lanjut dalam kerjasama yang meluas serta menguntungkan dalam berbagai bidan demi kepentingan bersama rakyat kedua buah negara dan juga seluruh umat manusia. Mereka juga puas hati dengan usaha bersama untuk melaksanakan dengan tegas dan sepenuhnya perjanjian-perjanjian dan persetujuan antara Soviet Union dan Amerika Syarikat dan untuk meluaskan bidang-bidang kerjasama.

Mereka bersetuju bahawa proses membentuk semula hubungan antara USSR dan AS berdasarkan hidup bersama secara damai dan keselamatan yang setaraf, seperti yang terkandung dalam Prinsip-Prinsip Asas Hubungan Antara USSR dan AS ditandatangani di Moscow pada 29 Mei, 1972 sedang berkembang dengan menggalakkan. Mereka menekankan pentingnya kedua belah pihak mematuhi Prinsip-Prinsip Asas itu. Mereka menegaskan lagi kewajipan untuk terus melaksanakan dengan teliti dan meninggikati kesan-kesan setiap peruntukan yang terkandung dalam dokumen itu.

Kedua pihak puas hati bahawa hasil sidang Soviet-AS di Moscow dalam bulan Mei 1972 telah disambut baik oleh negara-negara lain dan oleh pendapat dunia sebagai satu sumbangan penting terhadap mengukuhkan keamanan dan

keselamatan antarabangsa, menyekat persaingan senjata dan untuk membangunkan kerjasama secara perniagaan antara negara yang mempunyai sistem sosial yang berlainan.

Kedua pihak meninjau lawatan balas ke AS oleh Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU, L. I. Brezhnev, dan perbincangan-perbincangan yang diadakan semasa lawatan itu sebagai satu hasrat keazaman bersama mereka untuk meneruskan usaha ke arah satu kemajuan besar dalam hubungan Soviet-AS.

Kedua pihak yakin bahawa perbincangan-perbincangan yang mereka adakan itu merupakan satu lagi kemajuan pembangunan hubungan yang membina.

Dengan keyakinan bahawa pembangunan hubungan Soviet-Amerika adalah demi kepentingan rakyat kedua buah negara dan umat manusia, langkah-langkah besar seterusnya untuk diambil bagi menjadikan kemajuan persahabatan dan kerjasama antara rakyat kedua buah negara satu faktor tetap keamanan seluruh dunia.

II. Pencegahan Perang Nuklear dan Pembatasan Senjata-senjata Strateji

Soal-soal yang berhubung dengan penjagaan dan mengukuhkan keamanan antarabangsa menjadi tumpuan perbincangan antara Setiausaha Agung Brezhnev dan Presiden Nixon.

Dengan kesedaran betapa mustahaknya umat manusia mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mencapai tujuan itu, mereka telah membincangkan cara-cara bagaimana kedua pihak boleh bekerja menghapuskan bahaya peperangan dan terutama perang nuklear, antara USSR dan AS — dan antara salah satu pihak dengan negara-negara lain. Berikutnya, selaras dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan Prinsip-Prinsip Asas Mengenai Hubungan pada 29 Mei 1972, kedua pihak memutuskan untuk menandatangani satu Persetujuan Antara USSR dan AS mengenai Pencegahan Perang Nuklear. Persetujuan itu telah ditandatangani oleh Setiausaha Agung dan Presiden pada 22 Jun, 1973. Teks persetujuan itu diterbitkan secara berasingan.

Setiausaha Agung dan Presiden, ketika mengalu-alukan

persetujuan itu, percaya bahawa ia akan menjadi suatu peristiwa penting dalam sejarah hubungan Soviet-Amerika di samping mengukuhkan asas keselamatan antarabangsa: seluruhnya. Soviet Union dan Amerika menyatakan kesediaan mereka untuk menimbangkan cara-cara tambahan untuk mengukuhkan keamanan dan menghapuskan buat selamanya bahaya peperangan dan terutama perang nuklear.

Dalam perjumpaan-perjumpaan itu, perbincangan teliti dan mendalam telah diadakan mengenai soal-soal pembatasan senjata-senjata strategis. Dalam hubungan ini kedua pihak menekankan tentang mustahaknya Perjanjian mengenai Pembatasan Sistem Anti-peluru berpandu dan Peretujuan Sementara mengenai langkah-langkah tertentu berhubung dengan Pembatasan Senjata-senjata strateji yang merbahaya yang ditandatangani antara USSR dan AS pada Mei 1972 yang pertama kali dalam sejarah, meletakkan had yang sebenarnya terhadap jenis-jenis senjata moden dan yang merbahaya.

Setelah bertukar-tukar pendapat mengenai kemajuan pelaksanaan perjanjian-perjanjian itu, kedua pihak menegaskan sekali lagi hasrat mereka untuk melaksanakannya dan kesediaan mereka untuk bertindak secara bersama bagai mengadakan satu persetujuan untuk meluaskan pembatasan senjata-senjata strateji.

Kedua pihak mengakui bahawa kemajuan telah dicapai dalam rundingan-rundingan yang disambung semula pada November 1972, dan bahawa harapan mencapai satu persetujuan tetap mengenai langkah-langkah menyeluruh pembatasan senjata-senjata merbahaya adalah cerah.

Kedua pihak bersetuju bahawa kemajuan yang dicapai dalam pembatasan senjata-senjata strateji adalah sumbangan yang amat penting bagi mengukuhkan hubungan Soviet Amerika dan keamanan dunia.

Berdasarkan perbincangan-perbincangan mereka, Setiausaha Agung dan Presiden menandatangani pada 21 Jun 1973 Prinsip-Prinsip Asas mengenai pembatasan seterusnya terhadap Senjata-senjata merbahaya. Teksnya telah dikeluarkan secara berasingan.

USSR dan AS menyedari betapa pentingnya untuk ber-

gandingbahu dengan semua negara bagi tujuan mengukuhkan keamanan, mengurangkan bebanan senjata, dan mencapai persetujuan mengenai pembatasan senjata dan langkah-langkah perlucutan senjata.

Menimbangkan peranan penting yang dapat dimainkan oleh satu persetujuan antarabangsa yang berkesan mengenai senjata-senjata kimia, kedua pihak bersetuju untuk meneruskan usaha menandatangani satu persetujuan dengan kerjasama negara-negara lain.

Kedua pihak bersetuju untuk membuat segala usaha untuk memudahkan kerja-kerja Jawatankuasa bagi Perlucutan Senjata yang telah mengadakan mesyuarat di Geneva. Mereka akan menyertai dengan giat dalam rundingan-rundingan yang bertujuan mengadakan langkah-langkah baru untuk menyekat dan menamat persaingan senjata. Mereka menegaskan sekali lagi bahawa matlamat utama ialah perlucutan senjata secara menyeluruh dan penuh, termasuk perlucutan senjata nuklear, di bawah kawalan antarabangsa yang ketat. Satu sidang perlucutan senjata sedunia boleh memainkan peranan dalam proses ini dalam masa yang sesuai.

III. Soal-Soal Antarabangsa: Mengendurkan Ketegangan dan Mengukuhkan Keselamatan Antarabangsa

Setiausaha Agung Brezhnev dan Presiden Nixon mengkaji soal-soal penting mengenai keadaan antarabangsa sekarang. Mereka memberi perhatian khas terhadap perkembangan-perkembangan yang berlaku sejak sidang kemuncak Soviet-Amerika yang diadakan di Moscow. Mereka puas hati bahawa pergolakan-pergolakan positif sedang berkembang dalam hubungan antarabangsa ke arah mengendurkan ketegangan dan mengukuhkan hubungan kerjasama demi kepentingan keamanan. Pendapat kedua pihak, proses kemajuan keadaan antarabangsa sekarang mengujudkan peluang-peluang baru dan menggalakkan bagi mengurangkan ketegangan, menyelesaikan soal-soal antarabangsa yang masih ujud dan melahirkan satu bentuk keamanan yang tetap.

INDO-CINA

Kedua pihak menyatakan puas hati dengan Persetujuan untuk menamatkan peperangan dan Mengembalikan Keamanan di Vietnam dan juga hasil-hasil Persidangan Antarabangsa mengenai Vietnam yang melulus dan menyokong persetujuan itu.

Kedua pihak yakin bahawa Persetujuan Menamatkan Peperangan dan Mengembalikan Keamanan di Vietnam dan berikutnya menandatangani Persetujuan Memulihkan Keamanan dan Mencapai Persefahaman Kebangsaan di Laos, memenuhi kehendak dan hasrat rakyat Vietnam dan Laos dan membuka kemungkinan bagi mengujudkan keamanan yang berkekalan di Indo-Cina berasaskan kemerdekaan, kedaulatan, perpaduan dan kejujuran sempadan negara-negara di rantau itu. Kedua pihak menekankan bahawa persetujuan-persetujuan itu hendaklah dilaksanakan dengan tegas.

Mereka menegaskan lagi tentang perlunya mencari penyelesaian awal untuk pergelisiran tentera di Cambodia untuk mengujudkan keamanan seluruh rantau Indo-Cina. Mereka juga menegaskan pendirian bahawa masa depan politik Vietnam, Laos dan Cambodia hendaklah ditentukan oleh rakyat negara masing-masing bebas dari campur tangan luar.

EROPAH

Dalam perbincangan-perbincangan itu kedua pihak telah menyatakan puas hati bahawa di Eropah proses mengendurkan ketegangan dan memajukan kerjasama sedang berkembang dengan giat dan oleh itu merupakan sumbangan terhadap kestabilan antarabangsa.

Kedua pihak puas hati dengan pemulihan hubungan seterusnya antara negara-negara Eropah hasil dari perjanjian dan persetujuan yang ditandatangani dalam beberapa tahun yang lalu, terutama antara USSR dan FRG. Mereka juga mengalu-alukan persetujuan empat pihak pada 3 September 1971 yang akan dikuatkuasakan. Mereka yakin bahawa dengan mematuhi perjanjian-perjanjian dan persetujuan yang

telah dicapai akan memberi sumbangan terhadap keselamatan dan munafaat kepada semua pihak yang berkenaan.

Mereka juga mengalu-alukan harapan GDR dan FRG menjadi anggota Bangsa-Bangsa Bersatu tahun ini dan mengingati, berhubung dengan perkara tersebut, bahawa USSR dan AS, United Kingdom dan Perancis telah menandatangani pengistiharaan empat negara pada 9 November, 1972, mengenai perkara ini.

USSR dan AS menegaskan hasrat mereka, berpandukan peruntukan-peruntukan tertentu terkandung dalam Pernyataan Bersama USSR-AS yang telah dibuat di Moscow bulan Mei 1972 untuk meneruskan sumbangan-sumbangan yang berasingan dan bersama untuk mengukuhkan hubungan keamanan di Eropah. Kedua pihak menegaskan untuk menjamin keamanan abadi di Eropah adalah matlamat utama dasar-dasar mereka.

Dalam hubungan ini, rasa kepuasan telah dilahirkan dengan kenyataan bahawa hasil dari usaha-usaha bersama oleh banyak negara, termasuk USSR dan AS, kerja-kerja persiapan telah sempurna diatur bagi sidang mengenai keselamatan dan kerjasama Eropah yang akan diadakan pada 3 Julai, 1973. USSR dan AS berpendapat sidang itu akan meluaskan kemungkinan-kemungkinan mengukuhkan keselamatan Eropah dan mengembangkan kerjasama antara negara-negara peserta. USSR dan AS akan melaksanakan dasar-dasar mereka untuk mencapai matlamat-matlamat sidang tersebut bagi mengujudkan suasana baru bagi hubungan baik untuk dunia di sebelah sini.

Memandangkan sikap mereka yang positif terhadap sidang itu, kedua pihak akan berusaha menjayakan sidang itu secepat mungkin. Kedua pihak bertindak berdasarkan anggapan bahawa kemajuan kerja sidang akan melahirkan kemungkinan ia berjaya di peringkat tertinggi.

USSR dan US percaya matlamat mengukuhkan kestabilan dan keselamatan di Eropah akan terus maju jika ketegangan politik dikendurkan serta dengan pengurangan ketegangan tentera di Eropah Tengah. Dalam soal ini, mereka memberi perhatian tentang betapa mustahak rundingan-rundingan bagi mengurangkan sendiri tentera, senjata dan usaha-usaha

bersekutu di Eropah Tengah yang akan diadakan pada 30hb. Oktober, 1973. Kedua pihak menyatakan kesanggupan mereka bersama dengan lain-lain negara memberi sumbangan untuk ke arah mencapai keputusan bersama yang memuaskan terhadap masalah besar dengan mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip tidak mengurangkan jaminan keselamatan mana-mana pihak.

TIMUR TENGAH

Pihak-pihak itu menyatakan rasa bimbang terhadap keadaan di Asia Barat dan bertukar-tukar fikiran untuk mencari penyelesaian.

Tiap-tiap pihak menegaskan tentang kedudukan mereka terhadap masalah ini.

Kedua pihak bersetuju untuk meneruskan tekanan terhadap usaha mereka mencari penyelesaian secepat mungkin di Asia Barat. Penyelesaian ini hendaklah selaras dengan kepentingan semua negara rantau ini sejajar dengan kemerdekaan kedaulatan dan hendaklah memberi pertimbangan saksama terhadap hak-hak yang sah bagi rakyat Palestin.

IV. Hubungan Perdagangan dan Ekonomi

Setiausaha Agung dan Presiden telah mengkaji semula secara mendalam kedudukan dan harapan-harapan bagi perdagangan dan ekonomi antara USSR dan AS. Kedua pihak puas hati dengan kemajuan yang dicapai pada tahun lalu dalam memulihkan semula dan memajukan hubungan perdagangan dan ekonomi antara mereka.

Mereka bersetuju untuk kepentingan bersama dalam kerjasama dan keamanan akan dapat diperkukuhkan lagi dengan mengujudkan yayasan tetap hubungan ekonomi.

Mereka puas hati dengan beberapa persetujuan mengenai hubungan perdagangan dan ekonomi yang ditandatangani tahun lalu. Kedua pihak mengakui bahawa perdagangan Soviet-Amerika telah bertambah dengan memuaskan dan ada harapan baik usaha bertukar barang-barang akan meningkat dalam masa beberapa tahun akan datang.

Mereka percaya bahawa kedua negara hendaklah berazam menjalankan perdagangan sebanyak 2,000 hingga 3,000 juta dalam tempoh tiga tahun antara kedua buah negara. Suruhanjaya bersama perdagangan USSR-AS terus memberi sumbangan bernilai untuk mengembangkan hubungan ekonomi secara lebih besar kedua pihak puas hati bahawa hubungan antara firma-firma Soviet dan Amerika terus diperluaskan.

Kedua pihak menegaskan azam teguh untuk meneruskan persefahaman awal mereka mengenai langkah-langkah ke arah mengujudkan perkembangan perdagangan dan ekonomi antara USSR dan AS yang lebih baik.

Adalah diakui bahawa hasil persetujuan beberapa perkara mengenai pelaut yang ditandatangani pada Oktober, 1972, kapal-kapal perdagangan Soviet dan Amerika telah singgah di pelabuhan-pelabuhan Soviet dan Amerika lebih kerap dan sejak lewat Mei tahun ini sebuah kapal penumpang yang baru telah mengadakan perkhidmatan antara Leningrad dan New York.

Dalam rangka rundingan sekarang, dua pihak ditandatangani protokol meluaskan lagi hubungan lalulintas awam udara antara USSR dan AS bagi mengadakan perkhidmatan udara terus antara Moscow dan Washington dan New York dan Leningrad, menambahkan bilangan penerbangan dan mengatasi masalah lain mengenai penerbangan awam.

Dalam rangka mengkaji semula harapan bagi meluaskan kerjasama ekonomi yang tetap, kedua pihak menyatakan persetujuan untuk mengadakan projek-projek jangka panjang. Mereka membincangkan beberapa projek tertentu yang melibatkan penyertaan syarikat-syarikat Amerika, termasuk pembekalan gas asli Siberia ke Amerika Syarikat. Presiden membayangkan AS menggalakkan syarikat-syarikat Amerika mengadakan cadangan-cadangan yang konkerit terhadap projek-projek itu dan akan memberi perhatian berat dan pertimbangan saksama terhadap cadangan-cadangan itu untuk kepentingan kedua pihak.

Untuk memberi sumbangan bagi meluaskan perdagangan, ekonomi, sains dan kebudayaan antara USSR dan AS, kedua pihak menandatangani konvensi cukai untuk

mengelakan cukai berulang terhadap pendapatan dan menghapuskan seberapa yang boleh, keperluan bagi rakyat sesebuah negara untuk melibatkan dalam sistem cukai negan lain.

Satu protokol juga ditandatangani pada pembukaar Pejabat perdagangan dan melantik seorang wakil dari USSR di Washington dan Moscow. Tambahan dari itu, satu protokol telah ditandatangani mengenai soal-soal berhubungan dengan pembentukan Dewan Perniagaan dan Soviet-US. Persetujuan-persetujuan itu akan memudahkan kemajuan perdagangan dan ekonomi antara USSR dan AS seterusnya.

V. Kemajuan Dalam Lain-lain Bidang Kerjasama Antara Kerajaan

Kedua pihak mengkaji semula had kerjasama antara dua hala seperti dalam bidang melindungi kekotoran, kesihatan awam dan perubatan, pengkajian angkasa lepas. Sains dari teknologi. Ini terkandung dalam perjanjian yang ditandatangani pada Mei, 1972. Mereka mengakui bahawa persetujuan-persetujuan itu adalah memuaskan untuk dilaksanakan sejajar dengan rancangan-rancangan seperti diatitkan.

Terutama, usaha bersama dalam menjalankan usaha mencari jalan menghapuskan penyakit yang berjangkit dan merbahaya kepada manusia secara berkesan. Barah, jantunggl dan penyakit yang berjangkit. Dari segi perubatan masa-alah-masaalah itu perlu dijalankan kerjasama penyelidikan.

Penyelenggaraan bagi penerbangan kapal angkasa lepa Sonuz dan Apollo sedang dijalankan menurut jadual seperti yang dipersetujui. Pengembaraan bersama bagi kapal-kapal angkasa lepas itu bagi bertemu dan memperbaiki kapal tersebut, bertukar lawatan angkasawan Soviet dan Amerika di kapal-kapal angkasa lepas satu sama lain adalah dijalankan pada Julai, 1975.

Berasaskan landasan yang dijudolkan dalam perjanjian perjanjian yang lalu dan menyedari peluang-peluang bagi USSR dan AS untuk mengambil langkah-langkah kerjasama bagi Sains dan Teknologi, projek-projek baru bagi usaha bersama yang berfaedah telah didapati dan persetujuan yang sewajarnya telah dicapai.

KEGUNAAN TENAGA ATOM UNTUK TUJUAN KEAMANAN

Menyedari pentingnya memenuhi keperluan tenaga atom di kedua negara dan seluruh dunia serta mengakui kemajuan sumber tenaga atom yang tinggi boleh memberi sumbangan mengatasi masalah ini, Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat CPSU dan Presiden AS menandatangani perjanjian untuk meluas dan mengukuhkan kerjasama dalam bidang pengawalan nuklear, dan penyelidikan hartabenda berkaitan dengannya. Satu Jawatankuasa bersama USSR-AS mengenai kerjasama bagi kegunaan keamanan tenaga atom akan dibentuk untuk melaksanakan persetujuan yang telah ditangguhkan dalam masa 10 tahun.

PERTANIAN

Menyedari pentingnya pertanian bagi memenuhi keperluan bahan makanan manusia dan peranan sains dan teknologi dalam pengeluaran pertanian moden, kedua pihak mencapai persetujuan bagi bertukar-tukar pengalaman sains dalam penyelidikan pertanian dan pembangunan serta maklumat mengenai ekonomi pertanian.

KAJIAN LAUTAN DUNIA

Menimbang kemampuan yang tidak ada banding dan kepentingan utama kedua negara dalam bidang kajian Lautan Dunia dan menyedari pengalaman luas USSR dan AS dalam kerjasama ilmu alam lautan, kedua pihak bersetuju untuk meluaskan kerjasama dan telah mencapai persetujuan mengenainya. Dalam perkara ini, mereka percaya bahawa faedah dari kemajuan kerjasama seterusnya dalam bidang ilmu alam lautan akan memberi faedah bukan saja antara kedua negara tetapi bagi rakyat seluruh dunia. Jawatankuasa bersama USSR-AS akan dibentuk untuk kerjasama kajian Lautan Dunia serta menyelaraskan pelaksanaan rancangan-rancangan kerjasama.

PENGANGKUTAN

Kedua pihak bersetuju ada peluang-peluang bagi kerjasama antara USSR dan AS untuk mengatasi masalah dalam bidang pengangkutan. Untuk membofihkan kerjasama bagi faedah bersama diperluaskan, kedua pihak telah mengadakan satu perjanjian mengenainya. Mereka seterusnya ber-

setuju bahawa Jawatankuasa Bersama USSR-AS mengenai kerjasama dalam pengangkutan hendaklah ditubuhkan.

HUBUNGAN, BERTUKAR-TUKAR DAN KERJASAMA

Menyedari usaha meluaskan hubungan dan hala antara USSR-AS terutama menambahkan pertukaran dalam bidang sains, teknologi, pelajaran dan kebudayaan dan lain-lain bidang bagi kepentingan bersama, kedua pihak bersetuju untuk meluaskan kegiatan-kegiatan itu di bawah persetujuan am mengenai hubungan. Bertukar-bertukar dan kerjasama dalam tempoh enam tahun. Dua pihak bersetuju mengenai-nya dengan kepercayaan ia akan dapat mengembangkan lagi persefahaman antara rakyat Soviet dan Amerika Syarikat dan akan dapat menolong memperbaiki hubungan kedua negara secara am.

* * * *

Kedua pihak percaya rundingan-rundingan peringkat tertinggi yang diadakan secara terus terang dan membina adalah berfaedah dan merupakan sumbangan besar ke arah memberi faedah bersama antara USSR dan AS. Pada pandangan kedua pihak rundingan-rundingan ini akan memberi kesan baik terhadap hubungan antarabangsa.

Mereka mengakui bahawa kejayaan rundingan-rundingan di Amerika adalah hasil dari rundingan-rundingan terus-menerus seperti dipersetujui pada Mei 1972. Mereka menegaskan sekali lagi cara mengadakan perbincangan-perbincangan hendaklah diteruskan. Mereka bersetuju bahawa rundingan-rundingan seterusnya di peringkat tertinggi hendaklah diadakan selalu.

Di samping menyatakan penghargaan kepada Presiden R. Nixon kerana memberi layanan baik semasa lawatannya ke Amerika Syarikat, Setiausaha Agung, L. I. Brezhnev mengundang Presiden melawat USSR tahun 1974. Undangan tersebut telah diterima.

24 Jun, 1973

Setiausaha Agung

**Jawatankuasa Pusat CPSU
L. BREZHNEV**

**Presiden Amerika Syarikat
R. NIXON**